

SOALAN NO: 440

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk membantu keadaan tempat penginapan pekerja asing.

PR-1343-T75653

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sejak tahun 1992, Kerajaan telah mewajibkan mana-mana majikan yang menggajikan pekerja asing untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada semua pekerja asing yang digajikan. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] kepada pekerja-pekerja di sektor perladangan dan perlombongan.

2. Menyedari akan keperluan untuk menetapkan standard kemudahan perumahan kepada sektor-sektor lain, Kerajaan pada 2015 telah meluluskan Garis Panduan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing yang terpakai kepada sektor-sektor selain perladangan dan perlombongan.

3. Garis Panduan ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bermula 1 Januari 2016. JTK akan membuat pemeriksaan bagi memastikan kemudahan penginapan pekerja asing yang disediakan oleh majikan memenuhi keperluan sepertimana Akta 446 dan garis panduan tersebut. Mana-mana majikan yang gagal mematuhi standard minimum penginapan, akan disenaraihitam dan tidak dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing baharu atau memperbaharui permit kerja pekerja asing sedia ada.